

Program UTHM bantu pelajar kurang mampu

Batu Pahat: Program Bantuan Makanan dan Sumbangan Wang Sara Hidup Pelajar yang ditubuhkan sejak 10 September lalu antara inisiatif bersepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi Pejabat Hal Ehwal Pelajar dalam membantu pelajarannya yang kurang berkelebihan.


Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr Asri Selamat, berkata program itu antara lain menjadi pendorong utama kepada mereka untuk meneruskan kecemerlangan dalam bidang akademik dan juga kokurikulum tanpa berhadapan dengan masalah kewangan serius.

Menurutnya, sehingga kini, program berkenaan memberi faedah kepada 220 pelajar dan semua mereka sudah menerima bantuan makanan dan sara hidup sepanjang menuntut di universiti ini.

"Malah kami turut dibantu Majlis Agama Islam Negeri Johor Cawangan Batu Pahat dalam menyalurkan bantuan wang zakat asnaf fisabililah dan fakir miskin adalah sebanyak RM30,000 bagi tujuan bantuan sara hidup berkenaan," katanya.

Katanya, dana itu memberi keutamaan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah bawah RM1,000 sebulan untuk menerima bantuan berkenaan.

"Bantuan kewangan sebanyak RM300 hingga RM400 sebulan akan dibekalkan kepada pelajar



DR Asri

yang layak pada setiap tahun pengajian. Bantuan makanan pelajar pula diteruskan dari semasa ke semasa bergantung kepada dana yang dijanakan oleh pihak Jawatankuasa Program," katanya ketika ditemui.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, dalam menangani lebih 16,000 pelajar, UTHM turut menyediakan beberapa inisiatif untuk menjaga kebajikan penuntut termasuk Tabung Kebajikan Pelajar (TPK), Tabung Wang Ehsan (TWE), Insurans Berkelompok Pelajar Tempatan, Surat Jaminan Hospital, Khairat Pelajar, serta tabung khas untuk mahasiswa Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Asli.

"Segala bentuk bantuan diperkenalkan kepada penuntut seawal mereka mendaftarkan diri di UTHM supaya tidak berlaku keciciran maklumat. Malah kami turut memperkenalkan prosedur operasi standard (SOP) bagi penilaian berkenaan," katanya.